

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [ MACHANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membantu pengusaha zoo di Semenanjung Malaysia yang terjejas teruk dari segi ekonomi hingga mengakibatkan kebijakan hidupan liar turut terganggu akibat Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dilaksanakan baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) amat mengambil berat dalam membantu masalah yang dihadapi oleh pengusaha Zoo dan Pameran Tetap berikutan penutupan sementara premis berkenaan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Keadaan ini berlaku kerana pendapatan Zoo dan Pameran Tetap bagi menampung kos operasi bergantung sepenuhnya daripada hasil kutipan tiket serta hasil sampingan daripada restoran dan kedai cedera hati.
  
2. Justeru, atas keprihatinan kerajaan terhadap kebijakan hidupan liar di premis Zoo dan Pameran Tetap, Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah menyediakan dana prihatin kebijakan hidupan liar kepada Zoo dan Pameran Tetap berjumlah RM10.2 juta bagi meringankan bebanan kos

operasi dengan menampung bayaran makanan hidupan liar, ubat-ubatan dan perolehan bahan cuci disinfektan untuk digunakan di eksibit hidupan liar. Sehingga kini, sebanyak 21 Zoo dan Pameran Tetap telah menghantar permohonan dan dana telah disalurkan secara berperingkat bermula Mei 2020.

3. Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah menyerahkan 15 tan barang sitaan berupa daging, sayuran dan buah-buahan kepada Jabatan PERHILITAN untuk diserahkan kepada premis Zoo dan Pameran Tetap yang memerlukan.
4. Langkah proaktif yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu ZPT di negara ini adalah untuk menjamin kebajikan spesies hidupan liar yang ada di ZPT; memastikan kelangsungan operasi ZPT yang mempunyai lebih daripada 1,058 orang pekerja; serta meningkatkan imej dan reputasi negara dalam aspek menjaga kebajikan hidupan liar di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.